

CNS0982

R C C 20-08 00181 BB957

Aab

Mahathir - Soviet

KUALA LUMPUR, 19 Ogos (Cernnmn) -- Malaysia bimbng keamanan dan kestabilan dunia akan tergugot sekirnyo Soviet Union kembali kepada corak pemerintahn asasebelum zaman Presiden Mikhail Gorbachev, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Malaysia berharap pimpinan bnr Soviet Union dapat meneruskan usaha yang telah dibuat oleh bekas presiden itu demi menjamin keamanan dan kestabilan dunia berterusan.

+Kita berharap mereka menumpukan kepada mententeramkan keadaan dalam negeri dan ekonomi mereka sertn meneruskan segala usaha Gorbachev seperti yang dijanjikan, + kata Datuk Seri Dr Mahathir kepada pemberita ketika di tany pendapat beli au mengenai perkembangan terbaru di Soviet Union.

Katanya, Malaysia berharap beritabahaya Gorbachev digantikn kerana sebab-sebab kesihatan adalah benar tetapi jika beliau disingkirkan ia menimbulkan banyak persoalan.

+Sekiranya mereka kembali semula kepada cara asal maka ini akan merumi tkan keadaan dalam USSR sendiri dan juga hubungannya dengan negara-negara lain dan kalau itu berlaku ia adalah perkara yang amat mendukacitakan, + kata Perdana Menteri selepas menghadiri majlis makan malam sempena ulangtahun ke-25 Public Bank di sini, malam ini. -- Lagi

♥20/08/00-18MST

CNS0985

R CB 20-08 00171 BB958

Aab

Mahathir - Soviet 2 Kuala Lumpur

Ketika ditanya sama ado beliau menerima apa-apa maklumat terakhir dari kedutaan Malaysia di Moscow, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, setakat ini belum ada perkembangan yang mengejutkn dan ti ada pergolakan yang membimbangkan.

Mengenai sorna adalangkah Britain hendak menghentikan bantuannya kepada negara-negara yang mempunyai masalah hak asasi manusia dan alam sekitar turut menjejaskan Malaysia, Perdana Menteri berkata, beliau berharap ia tidak melibatkan Malaysia dan negara ini tidak perlu bimbang kerana ia bukanlah penerima bantuan dari pada mana-mana negara.

Bagaimanapun, bel inu berpendapat perkara itu perlu dilakukan dengnn berhati-hati kerana ia boleh membawa perubahan yang positif sekiranya dikenakan ke atas rejim yang kejam tetapi kalau digunakan untuk usaha +arm twisting+ kerana kepentingan ekonomi maka ia menimbulkan persoalan prinsip.

+Sejak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Cersatu ditubuhkan, satu daripada perkara yang penting ialah tidnk campurtangan dalam urusan dalam negeri mana-mana negara dan sekiranya ini berlaku maka ini bermakna negna yang kaya boleh campurtangan dalam urusan negara-negara miskin, +tegas beliau. -- Bernama

♥20/08/00-37MST